

Untuk memastikan kerajaan di Sabah bertanggungjawab

PM arah isytihar harta

KOTA KINABALU 2 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengarahkan agar semua menteri, pembantu menteri dan para pegawai kerajaan di Sabah mengisytiharkan harta masing-masing kepada beliau.

Dalam langkah yang disifatkan sebagai usaha untuk memastikan kerajaan Barisan Nasional (BN) benar-benar melaksanakan tanggungjawabnya kepada rakyat, Perdana Menteri juga mengarahkan segala pemberian lesen dan pengendalian perniagaan disemak.

"Saya lebih rela kehilangan Sabah kepada pembangkang daripada mempunyai sebuah kerajaan yang tidak baik di negeri ini," katanya pada perjumpaan dengan para pegawai kerajaan negeri dan Persekutuan di Sabah di sebuah pusat peranginan di sini hari ini.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, Kerajaan Pusat mahu memastikan kerajaan BN yang baru dibentuk di Sabah benar-benar bertanggungjawab dan bukannya seperti kerajaan-kerajaan Sabah pada masa lepas yang gagal membendung penyelewengan.

Kata Perdana Menteri, beliau tidak mahu peristiwa seperti dulu berulang lagi di mana mereka yang menjadi kerajaan menganggap ia adalah peluang untuk menjadi kaya.

03 APR 1994
"Kerajaan-kerajaan yang dulu, baik daripada Perikatan, BN mahupun pembangkang, lagaknya serupa sahaja. Mereka tidak begitu faham tentang konsep kerajaan. Ramai beranggapan ia peluang untuk jadi kaya dan mengabaikan rakyat.

"Mereka buat apa sahaja termasuk membelakangkan undang-undang dan peraturan, termasuk memberi sogokan agar rakyat menyokong mereka.

"Lama kelamaan, rakyat menjadi bosan dan kecewa lalu menolak kerajaan yang ada. Maka pusingan ini berulang berkali-kali. Kita tidak mahu teruskan cara ini," katanya.

Dr. Mahathir berkata pada masa lepas, seseorang yang sudah bersara daripada kerajaan juga dengan tiba-tiba menjadi jutawan.

Beliau berkata, Kerajaan Pusat kali ini terpaksa tegas untuk mengawal selia pentadbiran kerajaan negeri bagi memastikan ia berkhidmat kepada rakyat.

Katanya, dahulu Kerajaan Pusat tidak dapat berbuat apa-apa untuk mengawasi perjalanan kerajaan negeri kerana adanya perjanjian semasa Sabah menyertai Persekutuan bahawa ia bebas untuk menyelia sendiri.

■ Lihat muka 4 >

"Oleh itu, apabila berlaku penyelewengan, Kerajaan Pusat tidak dapat berbuat apa-apa. Tetapi kali ini kita bertekad untuk mengawasi perjalanan kerajaan negeri demi kepentingan rakyat di Sabah," katanya.

Beliau berkata, Kerajaan Pusat terpaksa berbuat demikian demi kepentingan rakyat Sabah dan bukannya untuk kepentingan kerajaan Pusat atau pun kepentingan "orang Semenanjung".

Perdana Menteri juga memberi amaran bahawa mereka yang cuba melakukan penyelewengan tidak akan terlepas daripada menerima tindakan undang-undang.

Katanya, mungkin ada yang tidak senang terhadap sikap tegas ini, tetapi menurutnya, beliau yakin rakyat Sabah pasti menerimanya.

Tambahnya, walaupun kerajaan berasal daripada perkataan "raja", mereka yang menjadi kerajaan sebenarnya ialah "hamba" kepada rakyat iaitu berkhidmat untuk rakyat dan bukan untuk kepentingan sendiri.

"Kita yakin banyak penyelewengan oleh ahli-ahli politik dan pegawai pada masa lepas. Kita akan jalankan proses audit. Kita ingin tahu kedudukan sebenar kewangan, pemberian lesen, siapa yang dapat banyak... semuanya akan diperbetulkan," kata Perdana Menteri.

Katanya, Kerajaan Pusat berhasrat untuk membangunkan Sabah pada kadar segera memandangkan ia sudah ketinggalan berbanding negeri lain.

"Rakyat Sabah sudah lama menjadi mangsa kepada amalan politik yang tidak baik. Kesilapan telah berlaku sejak awal lagi. Kini semua haruslah sama-sama bergerak maju," kata Perdana Menteri.

Dr. Mahathir menggesa kerajaan negeri sekarang supaya segera melaksanakan pembangunan agar dalam jangkamasa 100 hari ia sudah menunjukkan hasil dan dalam tempoh dua tahun, pembangunan fizikal di Sabah menjadi kenyataan.

Katanya, peruntukan RM500 juta untuk Sabah yang diumumkan Timbalan Perdana Menteri Da-

baru-baru ini akan ditambah apabila tempoh Rancangan Malaysia Keenam berakhir.

Katanya, beliau membuat lawatan awal ke Sabah selepas BN membentuk kerajaan untuk membolehkannya memberi peringatan awal agar kesilapan yang dilakukan kerajaan yang lepas tidak berlaku.

Kepada para pegawai kerajaan negeri dan Persekutuan, Dr. Mahathir menggesa mereka bergaul lebih mesra dan mengikis perasaan perkauman yang selama ini menghalang pembangunan.

Katanya, mereka harusnya lebih kerap bergaul dalam majlis-majlis ti-

dak formal dengan membawa bersama isteri masing-masing dan melupakan peristiwa yang lepas bagi membolehkan mereka bekerja sebagai sebuah kumpulan rakyat Malaysia.

"Sabah perlu dibangunkan sebagai sebahagian daripada Malaysia di samping tumpukan kepada perpaduan," katanya.

Ketua Menteri Tan Sri Sakaran Dandai, dua Timbalannya Datuk Yong Teck Lee dan Datuk Mohd. Salleh Tun Said, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Khalil Jamalul serta Setiausaha Persekutuan, Sabah, Datuk Samsuddin Osman turut hadir pada majlis itu.